

26/08/1999

Kemelesetan berakhir (HL)

Saidon Idris

KUALA LUMPUR, Rabu - Malaysia secara rasmi menamatkan kemelesetan ekonomi selama 15 bulan apabila mencatatkan pertumbuhan 4.1 peratus dalam tempoh April hingga Jun lalu atau suku kedua tahun ini.

Angka terbaru itu, yang diumumkan Bank Negara Malaysia hari ini, ialah pertumbuhan pertama dicatatkan negara selepas mengalami penguncupan sejak awal 1998.

Penguncupan terakhir dicatatkan ialah pada tempoh Januari hingga Mac lalu, iaitu sebanyak 1.3 peratus. Kebanyakan pakar ekonomi menganggap sesebuah negara mengalami kemelesetan apabila ekonominya menguncup selama dua suku tahun berturut-turut.

Gabenor Bank Negara, Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman, berkata dengan perangkaan terbaru itu, ekonomi Malaysia bagi separuh pertama tahun ini berkembang 1.4 peratus, berbanding penguncupan 4.2 peratus pada tempoh sama tahun lalu.

Pertumbuhan ekonomi dikira melalui perubahan nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), iaitu ukuran jumlah keluaran barangan dan perkhidmatan sesebuah negara.

Ali Abul Hassan berkata, pertumbuhan memberangsangkan pada suku kedua tahun ini dijana oleh permintaan eksport yang kukuh, terutama dalam sektor pembuatan serta pemulihan permintaan dalam negara.

Beliau turut mengaitkan pencapaian itu dengan pelaksanaan kawalan modal terpilih, yang membolehkan kerajaan memberi tumpuan kepada usaha menggerakkan pertumbuhan ekonomi dalaman.

Pertumbuhan itu turut disumbang oleh langkah kerajaan mempercepatkan pengeluaran dana bagi projek di bawah pakej rangsangan ekonomi. Ia disokong oleh kemajuan ketara dalam penstrukturan semula sektor perbankan.

"Pembelian lebih awal hutang tidak berbayar (NPL) daripada institusi perbankan dan kemajuan pesat dalam penstrukturan semula sektor korporat, membolehkan bank meningkatkan kegiatan pemberian pinjaman," katanya.

Mengulas angka terbaru prestasi ekonomi itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagaimanapun berkata, Malaysia tidak akan menyemak ramalan pertumbuhan satu peratus bagi tahun ini walaupun mencatat pertumbuhan suku kedua yang kukuh.

"Tidak, kita tidak boleh buat itu kerana kita belum tahu lagi angka-angka suku ketiga dan suku keempat KDNK," katanya kepada pemberita selepas pertemuan dengan Presiden Indonesia, B J Habibie di Putrajaya, petang ini.

Perdana Menteri menyifatkan prestasi suku kedua yang teguh itu sebagai menggembirakan.

"Ia adalah sesuatu yang menggembirakan kita," katanya sambil melahirkan harapan pertumbuhan positif dalam ekonomi negara berterusan.

Pada sidang akhbaranya, Ali Abul Hassan juga menegaskan, kerajaan tetap dengan unjuran pertumbuhan satu peratus bagi keseluruhan tahun ini dan lima peratus bagi tahun depan.

"Sebarang perubahan dalam unjuran itu mungkin diumumkan ketika pembentangan Belanjawan 2000 nanti," katanya.

Kebanyakan penganalisis dan ahli ekonomi meramalkan ekonomi Malaysia akan berkembang pada kadar antara empat hingga 4.9 peratus tahun ini.

Ali Abul Hassan menyifatkan pertumbuhan suku tahun kedua sebagai memuaskan kerana ia disokong pengukuhan berterusan dalam asas ekonomi, termasuk inflasi rendah dan kedudukan pasaran buruh yang bertambah baik.

Kadar inflasi yang ditunjukkan Indeks Harga Pengguna (IHP) agak

sederhana iaitu 2.7 peratus pada suku kedua berbanding empat peratus pada suku pertama dan 5.7 peratus pada suku kedua tahun lalu.

Gabenor Bank Pusat itu berkata, prestasi perdagangan negara juga terus menggalakkan dengan rizab antarabangsa semakin mengukuh, manakala kedudukan hutang luar, terutama hutang jangka pendek, adalah rendah.

Sejak 1 September tahun lalu, rizab luar negara meningkat AS\$11.7 bilion (RM44.46 bilion), kepada AS\$31.9 bilion (RM121.22 bilion) sehingga 14 Ogos lalu, cukup bagi menampung kira-kira 6.9 bulan import tertangguh.

Sehubungan itu, hutang luar jangka pendek yang kini berjumlah AS\$7.6 bilion (RM29 bilion) hanya merangkumi kira-kira 24.5 peratus daripada rizab luar negara.

Hutang luar jangka pendek yang rendah berbanding rizab luar itu menandakan ekonomi negara mempunyai daya tahan yang tinggi terhadap sebarang pengaliran keluar dana jangka pendek.

Ali Abul Hassan berkata, sentimen pasaran juga menjadi semakin baik seperti ditunjukkan kegiatan pasaran modal yang lebih tinggi, pertumbuhan pinjaman berterusan, pertambahan urus niaga hartanah dan peningkatan dalam penggunaan swasta.

Dari segi pertumbuhan mengikut sektor, bidang pembuatan terus mendahului sektor lain yang meningkat dengan ketara iaitu sebanyak 10.4 peratus, daripada penguncupan 1.1 peratus pada suku pertama tahun ini. Ia didorong oleh kenaikan permintaan luar bagi barangan separakondutor dan komponen elektronik.

Ini diikuti sektor pertanian yang meningkat 8.7 peratus berbanding penguncupan 1.3 peratus dan perkhidmatan kekal berkembang pada kadar 0.6 peratus.

Sektor pembinaan masih menguncup tetapi pada kadar lebih rendah iaitu daripada penguncupan 16.6 peratus kepada hanya enam peratus. Sektor perlombongan pula menguncup enam peratus.

(END)